



JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA

**PANDUAN  
PEMBAYARAN  
BALIK  
LEVI PELEPASAN**

## **Penerbitan**

Tarikh diterbitkan: 27 Ogos 2019.

Panduan Am Levi Pelepasan boleh ditarik balik, sama ada secara keseluruhannya atau sebahagiannya, dengan penerbitan panduan baru.

## **Notis Hak Cipta**

Hak Cipta 2019 Jabatan Kastam Diraja Malaysia

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan, diedarkan, disimpan dalam sistem perolehan kembali atau dihantar dalam apa-apa bentuk atau dengan apa-apa cara, termasuk di tempat untuk tujuan komersil tanpa kebenaran bertulis terdahulu Jabatan Kastam Diraja Malaysia kecuali dalam kes ringkas petikan yang terkandung dalam ulasan kritikal dan penggunaan bukan komersial lain yang dibenarkan oleh Akta Hakcipta 1987 (Akta 332). Dalam penghasilan semula atau pemetikan kandungan, perakuan sumber diperlukan.

## **Penolakan Tuntutan**

Maklumat ini bertujuan untuk memberikan pemahaman umum tentang layanan yang berkaitan di bawah Levi Pelepasan dan bertujuan untuk memberikan pemahaman umum tentang kewajipan levi ke atas pengendali. Ia tidak bertujuan untuk menyelesaikan semua masalah pelaksanaan levi pelepasan yang mungkin timbul secara komprehensif. Walaupun JKDM telah mengambil inisiatif untuk memastikan bahawa semua maklumat yang terkandung di dalam Panduan ini adalah betul, JKDM tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kesilapan dan ketidaktepatan yang mungkin terkandung, atau sebarang kerugian kewangan atau lain-lain yang dilakukan oleh individu menggunakan maklumat daripada Panduan ini. Semua maklumat adalah terkini pada masa penyediaan dan tertakluk kepada perubahan apabila perlu.

## **KANDUNGAN**

<b>PENGENALAN .....</b>	<b>1</b>
<b>DEFINISI.....</b>	<b>1</b>
<b>PEMBAYARAN BALIK .....</b>	<b>1</b>
<b>KAEDAH PEMBAYARAN BALIK .....</b>	<b>2</b>
<b>KESALAHAN BERKAITAN PEMBAYARAN BALIK .....</b>	<b>4</b>
<b>SOALAN-SOALAN LAZIM.....</b>	<b>5</b>
<b>PERTANYAAN DAN MAKLUMBALAS .....</b>	<b>7</b>
<b>MAKLUMAT LANJUT .....</b>	<b>7</b>



## **PENGENALAN**

1. Panduan ini disediakan untuk membantu pengendali yang menyediakan pengangkutan penumpang ke luar negara dengan mengenakan levi pelepasan berkuatkuasa 1 September 2019. Panduan ini menerangkan secara khusus berkaitan Pembayaran balik (kaedah dan tatacara).

## **DEFINISI**

2. "levi pelepasan" ialah suatu levi yang kena dibayar di bawah Akta Levi Pelepasan 2019. Levi pelepasan ini perlu dibayar oleh orang yang meninggalkan Malaysia untuk ke Luar Negara.
3. "Pembayaran balik" bagi maksud panduan ini ialah permohonan pembayaran balik yang berkaitan bayaran levi pelepasan dan penalty yang tersilap atau terlebih bayar sahaja.

## **PEMBAYARAN BALIK**

4. Permohonan pembayaran balik hanya boleh dimohon oleh Orang Berdaftar sahaja. Panduan pembayaran balik ini disediakan khas kepada orang berdaftar di bawah Akta Levi Pelepasan 2019.
5. Pembayaran balik boleh dipohon oleh orang berdaftar apabila berlakunya transaksi lebihan bayaran bagi levi pelepasan atau penalti di bawah seksyen 31 dan 31 Akta. Dengan kata lain, apabila berlakunya kesilapan didalam menjelaskan amaun levi pelepasan dan penalti, orang berdaftar boleh mengemukakan permohonan untuk menuntut kembali lebihan bayaran tersebut.
6. Permohonan pembayaran balik yang telah dikenalpasti oleh orang berdaftar hendaklah dikemukakan kepada Ketua Pengarah melalui sistem MyDLv.

7. Tempoh permohonan Pembayaran balik hendaklah dibuat didalam tempoh 1 tahun dari tarikh pembayaran levi pelepasan dan penalti yang dibuat oleh orang berdaftar.
8. Ketua Pengarah boleh membuat pembayaran balik yang dipohon oleh orang berdaftar setelah berpuas hati bahawa orang berdaftar telah membuktikan tuntutan itu dengan sepatutnya.
9. Ketua Pengarah boleh mengurangkan atau tidak membenarkan apa-apa pembayaran balik yang dikemukakan oleh orang berdaftar
10. Sebarang tuntutan oleh orang berdaftar berkaitan pembayaran balik, hendaklah disokong oleh apa-apa keterangan/dokumen sebagaimana yang dikehendaki oleh Ketua Pengarah.

## **KAEDAH PEMBAYARAN BALIK**

11. Pembayaran balik di bawah Panduan ini hanyalah berkaitan permohonan Pembayaran balik yang berkaitan dengan Levi Pelepasan dan Penalti yang tersilap atau terlebih bayar kepada Ketua Pengarah. Ianya tidak berkaitan dengan proses pembayaran balik terhadap sebarang pengecualian dibawah Perintah Levi Pelepasan (Pengecualian) 2019.

### **Contoh 1:**

*Korean Air telah membuat bayaran Levi Pelepasan yang berjumlah RM 154,000 kepada Ketua Pengarah bagi tempoh penyata Disember 2019. Pada April 2020, Korean Air membuat kiraan semula dan mendapati jumlah sebenar Levi Pelepasan adalah berjumlah RM 130,000 sahaja (selepas disemak silang melalui Passenger Manifes). Oleh yang demikian, Korean Air mempunyai tempoh 1 tahun bermula Disember 2019 sehingga November 2020 untuk mengemukakan permohonan Pembayaran balik bagi*

*mendapatkan jumlah perbezaan Levi Pelepasan yang telah diakaunkannya.*

**Contoh 2:**

*Pada 1 Mei 2021, Kerajaan telah mengumumkan penurunan kadar Levi Pelepasan dari RM 50.00 kepada RM 30.00. Malindo Air telah menjual tiket penerbangan dengan kadar levi pelepasan berjumlah RM 50.00 kepada pelanggannya dari Kuala Lumpur ke Beijing, China sebelum tarikh efektif RM 30.00 dengan jumlah keseluruhan RM 13,000.00. Oleh yang demikian, Malindo Air boleh membuat tuntutan pembayaran balik terhadap perbezaan jumlah tersebut selepas 1 Mei 2021. Malindo Air bertanggungjawab untuk memulangkan jumlah Levi Pelepasan kepada pelanggannya.*

12. Kaedah dan proses pembayaran balik adalah seperti di bawah;
- a. Permohonan Pembayaran balik**  
Sebarang permohonan pembayaran balik hendaklah dibuat melalui sistem MyDLV menggunakan akaun orang berdaftar sahaja.
  - b. Proses Kelulusan oleh Ketua Pengarah**  
Ketua Pengarah akan memberi makluman (surat melalui sistem) kepada Orang Berdaftar beserta dokumen sokongan yang perlu dikemukakan kepada Ketua Pengarah.
  - c. Keputusan Permohonan Pembayaran balik**  
Keputusan terhadap permohonan Pembayaran balik akan dikeluarkan oleh Ketua Pengarah kepada Orang Berdaftar.
  - d. Proses Pembayaran kepada Orang Berdaftar**  
Permohonan yang berjaya akan dihantar kepada Akauntan Negara untuk proses pembayaran pembayaran balik. Bayaran balik akan dimasukkan ke dalam akaun berdaftar (no akaun didalam sistem MyDLV) Orang Berdaftar.

## KESALAHAN BERKAITAN PEMBAYARAN BALIK

13. Dibawah seksyen 38 (1) Akta Levi Pelepasan 2019:

*“Mana-mana orang dengan niat hendak mengelak atau membantu mana-mana orang lain untuk mengelak Levi Pelepasan:*

*(b) Membuat apa-apa pernyataan palsu atau catatan palsu dalam mana-mana penyata yang dikemukakan, atau tuntutan atau permohonan yang dibuat, di bawah Akta ini atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini”*

Melakukan satu kesalahan dan boleh dikenakan tindakan dibawah seksyen 38 (2) apabila disabitkan:

*“(a) didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya; dan*

*(b) jika kesalahan itu berhubung dengan levi pelepasan yang terkurang, penalti bersamaan dengan amaun yang kurang itu.”*



## SOALAN-SOALAN LAZIM

- 1) **Bagaimana untuk menentukan saya telah tersilap bayaran Levi Pelepasan?**

Kesilapan terhadap bayaran levi pelepasan adalah ditentukan oleh Orang berdaftar sendiri.

- 2) **Adakah saya boleh dianggap tersilap bayar levi pelepasan sekiranya saya terkurang bayar kepada Ketua Pengarah?**

Terkurang bayar tidak dikategorikan sebagai tersilap bayar dan akan dianggap mengemukakan penyata yang tidak betul di bawah Akta. Orang berdaftar harus mengakaunkan lebihan bayaran dan penalti akan dikenakan.

- 3) **Apakah dokumen sokongan yang harus saya berikan apabila diminta oleh Ketua Pengarah?**

Dokumen-dokumen yang difikirkan perlu antaranya Manifest Penumpang, *Load Messege* (LDM) dan lain-lain dokumen yang difikirkan perlu.

- 4) **Bagaimana untuk saya mengetahui permohonan pembayaran balik saya diluluskan atau tidak?**

Semua keputusan permohonan akan dimaklumkan melalui email yang berdaftar dengan sistem MyDLV.

- 5) **Sekiranya saya menggunakan akaun bank yang berbeza dengan nombor akaun yang ada didalam sistem MyDLV, bagaimana dengan status Pembayaran balik saya?**

Orang berdaftar wajib mengemaskini nombor akaun bank. Ini kerana, Sistem akan membuat bayaran hanya kepada No akaun yang ada didalam sistem MyDLV sahaja.

**6) Berapa lamakah tempoh masa permohonan Pembayaran balik akan diterima ke dalam akaun bank?**

Orang berdaftar akan menerima bayaran pembayaran balik dalam tempoh 90 hari bekerja (*sekiranya dokumen mencukupi*)

**7) Bagaimana jika orang berdaftar menyedari yang permohonan pembayaran balik yang telah dibuat adalah silap dan ingin membatalkan permohonan tersebut setelah permohonan dibuat?**

Jika permohonan Pembayaran balik telah dikemukakan dan orang berdaftar menyedari terdapat kesilapan dalam permohonan tersebut, Orang berdaftar hendaklah mengemukakan permohonan secara bertulis kepada stesen Kastam yang mengawal untuk membatalkan permohonan pembayaran balik yang telah dibuat.

**8) Adakah orang berdaftar akan diambil tindakan apabila mengemukakan permohonan pembayaran balik?**

Tidak. Tiada tindakan dikenakan. Namun, sekiranya wujud Fraud terhadap permohonan tersebut, tindakan akan diambil oleh Ketua Pengarah berdasarkan kepada kesalahan yang dilakukan.

## **PERTANYAAN DAN MAKLUMBALAS**

14. Sebarang pertanyaan dan maklumbalas mengenai Levi Pelepasan boleh diperolehi dari:

a) Jabatan Kastam Diraja Malaysia

Unit Levi Pelepasan, Bahagian Perkastaman,

Kompleks Kementerian Kewangan

No. 3, Persiaran Perdana, Presint 2, 62595 Putrajaya.

Emel: enquiry.mydlv@customs.gov.my.

## **MAKLUMAT LANJUT**

15. Maklumat lanjut mengenai Levi Pelepasan boleh diperolehi dari:

a) Departure Levy website: [www.mydlv.customs.gov.my](http://www.mydlv.customs.gov.my)

b) Customs Call Centre :

Tel : 1-300-888-500

Faks : 03- 7806 7599

E-mel : [ccc@customs.gov.my](mailto:ccc@customs.gov.my)